

Pandangan Pengguna Penyata Kewangan terhadap Kepentingan Item di dalam Indeks Pelaporan Kewangan Menerusi Internet di Malaysia

Mohd Noor Azli Ali Khan^{a*}, Noor Azizi Ismail^b

^aJabatan Perakaunan dan Kewangan, Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

^bOthman Yeop Abdullah Graduate School of Business, Univerisiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia

*Corresponding author: m-nazli@utm.my

Article history

Received : 1 August 2012
Received in revised form : 29 February 2013
Accepted : 28 February 2013

Abstract

This study investigates the perceptions of users of financial statement regarding the importance of items in indices of internet financial reporting (IFR). This study adopts the questionnaire survey method in order to seek the view of users of financial statement, particularly on the importance of items that to be included in the checklist of IFR indices. From a comprehensive review of the IFR literature, the level of IFR in this study can be categorized into two dimensions namely the 'content' and 'presentation'. The findings show that the five most important items which are income statement of current year, cash flow statement of current year, balance sheet of current year, annual report of current year (full text), and auditor report of current year can explain the dimension of content. Meanwhile, the five most important items for the dimension of presentation which are annual report in PDF format, loading time of the website, link to homepage, hyperlinks inside the annual report, and link to table of contents. Results of the study also provide empirical evidence that 144 disclosure items can be used for the checklist of IFR indices to measure the level of IFR. The finding provides an insight into the IFR practice in Malaysia. Implications of these findings and future research directions are also discussed in this study.

Keywords: Users; indices; weighted score; internet financial reporting; Malaysia

Abstrak

Kajian ini cuba meneliti pandangan pengguna penyata kewangan berkaitan kepentingan item dalam indeks pelaporan kewangan menerusi Internet (PKMI). Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan soal selidik untuk mengetahui pandangan pengguna penyata kewangan berhubung kepentingan item yang perlu terkandung dalam senarai semakan indeks PKMI. Berdasarkan sorotan karya yang menyeluruh, tahap PKMI dalam kajian ini dibahagikan kepada dua dimensi iaitu kandungan dan pembentangan. Penemuan kajian menunjukkan lima item terpenting iaitu penyata pendapatan tahun semasa, penyata aliran tunai tahun semasa, kunci kira-kira tahun semasa, laporan tahunan (teks penuh) tahun semasa, dan laporan juruaudit tahun semasa yang berupaya menggambarkan dimensi kandungan. Manakala, bagi dimensi pembentangan pula terdapat lima item terpenting daripada laporan tahunan dalam format PDF, masa muat turun laman web syarikat (kurang 10 saat), pautan kepada laman web utama, hiperpautan ada di dalam laporan tahunan, dan pautan kepada senarai kandungan. Penemuan kajian ini juga memberikan bukti empirikal bahawa 144 item pelaporan boleh digunakan bagi senarai semakan indeks PKMI untuk mengetahui tahap PKMI. Hasil kajian ini menyumbang kepada pemahaman tambahan tentang PKMI di Malaysia. Implikasi hasil kajian dan arah tuju penyelidikan masa hadapan turut dibincangkan.

Kata kunci: Pengguna; indeks; skor wajaran; pelaporan kewangan menerusi Internet; Malaysia

© 2013 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

1.0 PENGENALAN

Internet mewujudkan satu persekitaran pelaporan yang baru di dalam menyampaikan maklumat korporat bagi syarikat tersenarai yang mempunyai keinginan secara berterusan berkomunikasi dengan para pemegang saham sedia ada dan untuk menarik bakal pelabur (Boubaker *et al.*, 2012). Kewujudan laman web syarikat menjadi medium yang penting bagi tujuan pelaporan korporat

(Trabelsi *et al.*, 2004; Ismail & Sobhy, 2009), laman web dimanfaatkan oleh syarikat untuk memberitahu maklumat korporat kepada para pelabur di seluruh dunia (Abdelsalam & Street, 2007; AbuGhazaleh *et al.*, 2012) dan mempromosikan identiti korporat (Poon *et al.*, 2003; Topalian, 2003). Laman web syarikat turut digunakan untuk tujuan menyampaikan maklumat mengenai organisasi dan aktivitinya (Chan & Wickramasinghe, 2006; Sriram & Laksmana 2006) serta menyampaikan maklumat

kewangan kepada pemegang saham, pelabur dan pihak lain yang berkepentingan (Hodge & Pronk, 2006; Abdelsalam & El-Masry, 2008). Teknologi *World Wide Web* (WWW) atau jaringan sejagat digunakan dengan meluas melalui peningkatan bilangan syarikat di seluruh dunia yang mempunyai laman web korporat (Celik *et al.*, 2006; Boubaker *et al.*, 2012). WWW merupakan sebahagian daripada Internet dan popularitinya meningkat sejak dua dekad yang lalu disebabkan oleh laman web korporat dilihat sebagai medium komunikasi yang murah, dinamik dan sentiasa berkembang (Ettredge *et al.*, 2001). Dalam konteks perakaunan, laman web merupakan medium alternatif yang sangat penting bagi penyebaran maklumat korporat termasuk laporan tahunan (Khan 2006; Chan & Wickramasinghe, 2006; Sriram & Laksamana, 2006). Walau bagaimanapun, tahap penggunaan teknologi bagi praktis pelaporan kewangan menerusi Internet (PKMI) didapati berbeza-beza di kalangan negara (Oyelere *et al.*, 2003).

Sebarang perubahan dalam sistem komunikasi akan memberi impak yang besar dan cabaran yang hebat bukan sahaja kepada syarikat dan *regulator* tetapi juga akauntan. Salah satu cabaran penting yang berkaitan kualiti maklumat yang dipersembahkan dalam laman web korporat ialah ketiadaan garis panduan yang dikeluarkan oleh *regulator* (Seetharaman & Subramaniam, 2006). Seetharaman dan Subramaniam (2006) menyatakan masih belum ada peraturan dan piawaian berkaitan penyebaran maklumat menerusi laman web daripada mana-mana badan profesional atau agensi kerajaan. Keadaan ini menyebabkan kualiti dan kandungan PKMI adalah berbeza-beza di antara syarikat. PKMI masih bersifat sukarela tanpa sebarang perundangan atau garis panduan bagi mengawal dan menjelaskan maklumat yang disampaikan dengan cara yang komprehensif (Ashbaugh *et al.*, 1999; Bonson & Escobar, 2002; Marston & Polei, 2004; Hanifa & Ab. Rashid, 2005; Momany & Shorman, 2006; Kelton & Yang, 2008; Ismail & Sobhy, 2009; Homayoun *et al.*, 2011; Boubaker *et al.*, 2012). Sehingga kini, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (LPPM) atau *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) masih belum mengeluarkan sebarang piawaian perakaunan atau garis panduan berkaitan PKMI untuk terma bagi kandungan dan pembentangan maklumat di dalam laman web syarikat. Namun begitu, PKMI menjadi mandatori bagi kesemua syarikat di Turki yang mempunyai laman web dan disenaraikan di Bursa Saham Istanbul mulai 2005 (Bozcuk, 2012).

Kebanyakan kajian PKMI di Malaysia adalah berbentuk deskriptif yang meliputi isu seperti jenis maklumat yang dilaporkan (Ismail & Tayib, 2000), pengelasan pembangunan web ke atas pelaporan kewangan (Keliwon & Aziz, 2005), perbezaan praktis PKMI di antara Malaysia dengan Singapura (Khadaroo, 2005a), praktis PKMI dan kesannya pada pengauditan (Khadaroo, 2005b), maklumat hubungan dengan pelabur (Abdul Hamid, 2005), penggunaan Internet bagi hubungan dengan pelabur oleh syarikat Malaysia dan Singapura (Abdul Hamid *et al.*, 2006), serta kandungan dan aplikasi reka bentuk laman web syarikat (Mohamad *et al.*, 2006). Terdapat juga beberapa kajian penjelasan dijalankan seperti faktor penentu yang mempengaruhi PKMI (Hassan *et al.*, 1999; Abdul Hamid & Md Salleh, 2005; Hanifa & Ab. Rashid, 2005; Ali Khan, 2010) dan faktor penentu bagi pelaporan kewangan dan persekitaran menerusi Internet oleh syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia (Al Arussi *et al.*, 2009).

Walaupun pelbagai kajian berkaitan PKMI telah dijalankan sama ada di negara membangun dan sedang membangun, namun masih wujud persoalan yang memerlukan kajian lanjutan. Kajian lanjutan perlu dilakukan bagi mendapatkan bukti empirikal berhubung isu PKMI berasaskan kepada sifat kajian PKMI yang dinamik. Antara persoalan yang timbul ialah apakah item yang sesuai yang dapat digunakan bagi mengukur tahap PKMI di

Malaysia. Setakat ini, isu berkaitan item pelaporan yang perlu ada di dalam indeks PKMI menurut pandangan pengguna penyata kewangan amat terhad. Oleh itu, kajian ini mengambil inisiatif untuk mengkaji indeks PKMI dengan mengambil kira pandangan pengguna penyata kewangan bagi mengetahui tahap PKMI. Seterusnya, keadaan ini merupakan jurang yang cuba dipenuhi oleh kajian ini. Kepentingan kajian ini disokong oleh ulasan karya lepas yang mendapati kajian yang mengambil kira pandangan pengguna penyata kewangan berkaitan PKMI masih kurang dipelopori (Al-Htaybat *et al.*, 2011; Ali Khan & Ismail, 2012c). Pandangan pengguna penyata kewangan diperlukan dalam kajian ini kerana mereka terdedah dengan maklumat perakaunan dan mempunyai pengetahuan serta kemahiran untuk menggunakan maklumat yang terkandung dalam laporan tahunan (Mohd Isa, 2006) dan kumpulan pengguna memerlukan sumber maklumat bagi proses pembuatan keputusan (Al-Htaybat *et al.*, 2011). Justeru, objektif kajian ini untuk mendapatkan bukti empirikal tentang sejauhmana kepentingan item pelaporan berdasarkan pandangan pengguna penyata kewangan yang boleh digunakan untuk menerangkan tahap PKMI dalam kalangan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Impak penerokaan kajian yang disusuli oleh pembuktian secara empirikal ini berupaya untuk menyumbang kepada badan ilmu berkaitan penyelidikan PKMI.

Artikel ini disusun seperti berikut. Bahagian kedua membincangkan ulasan karya berkaitan PKMI. Ini diikuti oleh metodologi yang digunakan. Bahagian seterusnya pula akan membincangkan penemuan kajian. Akhir sekali, kesimpulan dan cadangan kajian diuraikan dalam bahagian kelima.

■2.0 ULASAN KARYA

Internet muncul sebagai platform komunikasi pilihan bagi penyebaran maklumat kewangan dan perniagaan di kalangan syarikat korporat bermula sekitar tahun 1990-an. Selaras dengan perkembangan teknologi Internet yang bermula pada awal tahun 1990-an, penyelidikan pelaporan perakaunan turut berkembang dan merangkumi kajian berhubung PKMI.

PKMI merupakan bidang penyelidikan yang baru dan luas untuk diselidiki (Moradi, Salehi & Arianpoor, 2011), agenda penyelidikan perakaunan kewangan yang penting bagi kajian pada masa hadapan (Ali Khan & Ismail, 2011a; Ali Khan & Ismail, 2012a) dan menjadi satu tumpuan penyelidikan di peringkat antarabangsa (Al-Htaybat, 2011). Ulasan karya berkaitan PKMI dan isu komunikasi mula diterbitkan sejak tahun 1997 atau 1998 (Gowthorpe, 2004). Terdapat peningkatan yang mendadak dalam penggunaan Internet bagi tujuan penyebaran maklumat korporat (Boubaker *et al.*, 2012). Walau bagaimanapun, kajian awal berkaitan PKMI adalah bersifat deskriptif (Allam & Lymer, 2003).

Penelitian terhadap kajian berkaitan PKMI sepanjang dua dekad yang lalu mendapati hanya sedikit sahaja kajian yang memberi fokus kepada pembinaan indeks pelaporan bagi menerangkan fenomena PKMI ini dengan lebih baik. Kaedah yang digunakan bagi membina indeks pelaporan ini pula didapati berbeza-beza dalam kalangan penyelidik. Sehubungan dengan itu, satu kajian yang lebih menyeluruh bagi mencari kaedah pembinaan indeks pelaporan yang lebih tepat adalah perlu. Ini disebabkan kepentingan penggunaan indeks pelaporan bagi tujuan perbandingan praktis PKMI antara syarikat, industri dan negara.

Isu berkaitan pendekatan pembinaan indeks yang digunakan bagi menilai tahap PKMI mempunyai dua pandangan berbeza iaitu (1) pendekatan wajar atau pemberat, dan (2) pendekatan bukan wajar atau tiada pemberat. Jadual 1 menunjukkan beberapa kajian terkini berkaitan pengukuran tahap PKMI. Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas, penyelidik

mendapati bahawa terdapat sedikit usaha dalam kalangan ahli sarjana yang menggunakan pendekatan wajar untuk mengetahui tahap PKMI terutamanya daripada pandangan pengguna penyata kewangan. Penyelidik turut mendapati bahawa kebanyakan kajian lepas menggunakan pendekatan bukan wajar untuk mengetahui tahap PKMI. Seperkara lagi, penggunaan item yang dinilai atau dimensi yang digunakan dalam kalangan penyelidik untuk mengukur tahap PKMI turut tidak konsisten (Ali Khan & Ismail, 2009b). Hal yang sedemikian membuka ruang perdebatan berhubung penggunaan skala pengukuran dan dimensi bagi mengukur tahap PKMI. Namun begitu, Ali Khan dan Ismail (2009b) mencadangkan penggunaan dimensi kandungan dan

dimensi pembentangan untuk mengetahui tahap PKMI bagi syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Penggunaan dimensi kandungan dan pembentangan dalam kajian PKMI telah dibincangkan dengan terperinci dalam kajian Ali Khan dan Ismail (2009b). Menurut Ali Khan dan Ismail (2009b), dimensi kandungan akan memberikan maklumat mengenai jenis maklumat yang dilaporkan oleh syarikat menerusi laman web. Manakala, dimensi pembentangan pula akan memberikan maklumat mengenai penggunaan ciri paparan terkini dalam menyebarkan maklumat korporat dan reka bentuk laman web sesebuah syarikat.

Jadual 1 Beberapa kajian terkini berkaitan pengukuran tahap PKMI

Tahun	Penyelidik	Skop Kajian	Skala Pengukuran	Item yang dinilai
2006	Chan dan Wickramasinghe	Australia	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kandungan • Ketepatan masa • Teknologi • Sokongan pengguna
2007	Abdelsalam, Bryant dan Street	UK	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kandungan • Usability
2008	Mohd Hanafi, Kasim, Ibrahim dan Othman	Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada pemberat • Pemberat 	<ul style="list-style-type: none"> • Reka bentuk laman web • Kandungan laman web • Pemasaaan
2008	Ezat dan El-Masry	Egypt	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kandungan • Pembentangan
2008	Kelton dan Yang	US	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemasaaan
2008	Abdelsalam dan El-Masry	Ireland	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kewangan • Persekitaran
2009	Al Arussi, Selamat dan Mohd Hanefah	Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai semakan: Skor 2 (syarikat melaporkan lebih daripada 2 item), Skor 1 (syarikat melaporkan 1-2 item), Skor 0 (Tiada pelaporan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kewangan • Maklumat tadbir urus korporat • Hubungan dengan pelabur • Tanggungjawab sosial korporat • Pembentangan • Reka bentuk laman web • Kandungan laman web
2009	Despina dan Demetrios	Greek	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kewangan • Maklumat tadbir urus korporat • Hubungan dengan pelabur • Tanggungjawab sosial korporat • Pembentangan • Reka bentuk laman web • Kandungan laman web
2009	Mohd Hanafi, Kasim, Ibrahim dan Hancock	US, UK, Malaysia, Singapura & Thailand	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada pemberat • Pemberat 	<ul style="list-style-type: none"> • Kandungan • Pembentangan
2010	Aly, Simon dan Hussainey	Egypt	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kandungan • Pembentangan
2010	Ali Khan	Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembentangan dan pencapaian • Maklumat korporat kewangan dan bukan-kewangan
2011	Al-Htaybat	Jordan	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kewangan • Maklumat tadbir urus korporat • Hubungan dengan pelabur • Pendedahan sosial korporat • Pembentangan • Maklumat am • Maklumat bukan-kewangan • Maklumat kewangan • Reka bentuk laman web • Format • Kandungan
2011	Pervan dan Sabljic	Crotia	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kewangan • Maklumat tadbir urus korporat • Hubungan dengan pelabur • Pendedahan sosial korporat • Pembentangan • Maklumat am • Maklumat bukan-kewangan • Maklumat kewangan • Reka bentuk laman web • Format • Kandungan
2011	Henchiri	Morocco dan Tunisia	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kewangan • Maklumat tadbir urus korporat • Hubungan dengan pelabur • Pendedahan sosial korporat • Pembentangan • Maklumat am • Maklumat bukan-kewangan • Maklumat kewangan • Reka bentuk laman web • Format • Kandungan
2011	Erer	Turki	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kewangan • Maklumat tadbir urus korporat • Hubungan dengan pelabur • Pendedahan sosial korporat • Pembentangan • Maklumat am • Maklumat bukan-kewangan • Maklumat kewangan • Reka bentuk laman web • Format • Kandungan

Tahun	Penyelidik	Skop Kajian	Skala Pengukuran	Item yang dinilai
2011	Homayoun, Abdul Rahman dan Bashiri	Malaysia	• Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan)	• Kandungan • Pembentangan
2012	Ali Khan dan Ismail	Malaysia	• Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan)	• Kandungan • Pembentangan
2012	Boubaker, Lakhal dan Nekhili	Perancis	• Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan)	• Maklumat am • Maklumat kewangan • Maklumat tadbir urus korporat, dan tanggungjawab sosial dan korporat • Pembentangan
2012	Bozcuk	Turki	• Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan)	• Artibut am • Artibut kewangan
2012	Malhotra dan Makkar	India	• Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan)	• Kandungan penyata kewangan • Maklumat kewangan lain • Pembentangan dan sokongan pengguna • Artibut am • Hubungan dengan pelabur • Laporan kewangan • Pertemuan am • Maklumat tadbir urus korporat • Tanggungjawab sosial
2012	Nurunnabi dan Hossain	Bangladesh	• Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan)	
2012	Uyar	Turki	• Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan)	

Penggunaan dimensi kandungan dan pembentangan didorong oleh beberapa faktor utama. Pertama, dimensi kandungan dan pembentangan adalah dimensi yang paling popular dan kerap digunakan dalam kajian lalu (IASC, 1999; Debreceny *et al.*, 2002; Marston & Polei, 2004; Trabelsi *et al.*, 2004; Xiao *et al.*, 2004; Spanos, 2006; Bonson & Escobar, 2006; Kelton & Yang, 2008; Aly *et al.*, 2010; Ali Khan, 2010; Ali Khan & Ismail, 2012b). Kedua, kajian terdahulu menunjukkan bahawa format kandungan dan pembentangan bagi pelaporan Internet boleh memperbaiki ketelusan pelaporan (Hodge *et al.*, 2004; Kelton & Yang, 2005). Ketiga, PKMI membenarkan penyebaran alternatif bagi jenis pelaporan yang tidak diperlukan oleh badan berperaturan (*regulatory bodies*) (Ettredge *et al.*, 2002). Keempat, format pembentangan boleh menyediakan pelaporan yang lebih telus melalui peningkatan kebolehbacaan, mudah diperolehi, mudah difahami bagi maklumat kewangan (FASB, 2000), membantu memperoleh maklumat dengan cepat serta disokong dengan penggunaan ciri paparan yang bersifat mesra pengguna dalam laman web (Marston & Polei, 2004), berurusan dengan bagaimana maklumat itu dipersembahkan (Xiao *et al.*, 2004), dan boleh memperbaiki ketepatan masa (peningkatan dalam kekerapan pelaporan) dan pengesahan (berupaya untuk menghubungkan dengan pelbagai sumber maklumat lain seperti hiperpautan) (Debreceny *et al.*, 2002). Manakala, format kandungan boleh menunjukkan jenis maklumat yang dilaporkan oleh syarikat menerusi laman web (Lybaert, 2002; Xiao *et al.*, 2004).

Kajian berkaitan kepentingan item PKMI turut mendapat perhatian, antaranya Ali Khan dan Ismail (2010) mengkaji kepentingan item PKMI menurut pandangan penyedia laporan tahunan menggunakan dimensi kandungan dan dimensi pembentangan bagi mengetahui tahap PKMI. Penyedia laporan tahunan dalam kajian ini terdiri daripada ketua pegawai kewangan dan akauntan bagi syarikat yang tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat lima item utama iaitu penyata pendapatan tahun semasa, kunci kira-kira tahun semasa, nota penyata kewangan tahun semasa, penyata pendapatan tahun lepas, dan penyata aliran tunai tahun semasa yang berupaya menggambarkan dimensi kandungan. Manakala, bagi dimensi pembentangan

terdapat lima item utama iaitu masa muat turun laman sesawang syarikat, pautan kepada laman sesawang, hiperpautan kepada analisis kewangan, hiperpautan ada di dalam laporan tahunan, dan pautan kepada senarai kandungan.

Ali Khan dan Ismail (2011b) mengkaji tahap PKMI bagi syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Berdasarkan penelitian yang mendalam berkaitan penggunaan dimensi yang dapat menggambarkan tahap PKMI, tahap PKMI boleh diukur dengan menggunakan dua dimensi utama iaitu dimensi kandungan dan dimensi pembentangan. Dimensi kandungan akan memberikan maklumat mengenai jenis maklumat yang dilaporkan oleh syarikat menerusi laman dan dimensi pembentangan pula akan memberikan maklumat mengenai penggunaan ciri paparan terkini dalam menyebarkan maklumat korporat dan reka bentuk laman sesawang sesebuah syarikat (Ali Khan dan Ismail, 2009b). Hasil kajian menunjukkan bahawa purata tahap PKMI ialah 65.10 dengan nilai minimum dan maksimum masing-masing 48.27 peratus dan 78.16 peratus. Ini bermaksud secara purata tahap pelaporan berkaitan PKMI bagi syarikat yang tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia adalah berada pada tahap 65.10 peratus. Tahap pelaporan ini boleh dikategorikan sebagai tahap pelaporan yang baik sepertimana pengkelasan tahap pelaporan yang dibuat oleh Wallace (1988).

Ali Khan dan Ismail (2011c) mengulas sorotan literatur berkaitan penyelidikan PKMI. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan terma, dimensi dan pengklasifikasian berkaitan PKMI tidak konsisten dalam kalangan penyelidik. Perbezaan ini menyumbang kepada perbezaan dapatan kajian dan seterusnya gagal menerangkan dengan jelas faktor penentu yang mempengaruhi PKMI. Penelitian terhadap kajian PKMI turut mendapati sedikit sahaja kajian yang memberi fokus kepada pembinaan indeks pelaporan bagi menerangkan tahap PKMI. Pengajaran yang dapat dicungkil daripada perbincangan dan ulasan hal tersebut ialah perlunya satu kajian yang lebih komprehensif bagi membincangkan isu berkaitan PKMI.

Kajian terkini oleh kajian Ali Khan dan Ismail (2012b) mengenai indeks PKMI menurut pandangan penyedia penyata kewangan menunjukkan bahawa terdapat 87 item pelaporan yang boleh digunakan dalam senarai semakan PKMI untuk

mengetahui tahap PKMI di kalangan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa terdapat lima item utama iaitu penyata pendapatan tahun semasa, kunci kira-kira tahun semasa, penyata aliran tunai tahun semasa, laporan juruaudit tahun semasa dan laporan tahunan (teks penuh) tahun semasa yang berupaya menggambarkan dimensi kandungan. Manakala, bagi dimensi pembentangan terdapat lima item utama iaitu masa muat turun laman web syarikat (kurang 10 saat), laporan tahunan dalam format PDF, hiperpautan kepada analisis kewangan, hiperpautan ada di dalam laporan tahunan, dan pautan kepada laman sesawang utama.

Kebanyakan kajian lalu dalam bidang PKMI lebih bersifat deskriptif, perbandingan dan penjelasan (Ali Khan & Ismail, 2011c). Usaha yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu untuk mendapatkan pandangan penyedia penyata kewangan dalam pembinaan senarai semakan indeks PKMI adalah amat terhad (Ali Khan, 2010; Ali Khan & Ismail, 2010; Ali Khan & Ismail, 2012b). Kajian lalu membentuk indeks PKMI dengan hanya berpandukan kepada indeks yang telah dibentuk oleh pengkaji terdahulu sahaja. Keunikan indeks PKMI dalam kajian ini disebabkan oleh pembentukan indeks yang mengambil kira input daripada kajian lepas, pandangan ahli akademik, pengamal industri dan pandangan pengguna penyata kewangan. Justeru, hasil kajian ini amat penting kerana ianya berupaya untuk menyumbangkan bukti secara empirikal kepada sorotan literatur berkaitan item pelaporan yang perlu ada dalam senarai semakan indeks PKMI.

■3.0 REKA BENTUK KAJIAN

Terdapat dua teknik utama yang digunakan untuk menentukan tahap PKMI iaitu sistem penskoran bukan wajaran (Ashbaugh *et al.*, 1999; Bonson & Escobar, 2002; Debreceny *et al.*, 2002; Allam & Lymer, 2003; Oyelere *et al.*, 2003; Bonson & Escobar, 2006; Celik *et al.*, 2006; Chan & Wickramasinghe, 2006; Abdelsalam *et al.*, 2007; Kelton & Yang, 2008; Al Arussi *et al.*, 2009; Mohd Hanafi *et al.*, 2009; Aly *et al.*, 2010; Homayoun *et al.*, 2011; Ali Khan & Ismail, 2012b; Boubaker *et al.*, 2012; Bozcuk, 2012; Malhotra & Makkar, 2012; Nurunnabi & Hossain, 2012; Uyar, 2012) dan sistem penskoran wajaran (Davey & Homkajohn, 2004; Marston & Polei, 2004; Mohd Hanafi *et al.*, 2008; Mohd Hanafi *et al.*, 2009). Teknik sistem penskoran bukan wajaran merupakan yang paling popular digunakan bagi mengetahui tahap PKMI. Sepanjang kajian dilakukan, penyelidik mendapati bahawa kajian yang menggunakan sistem penskoran wajaran bagi mengetahui tahap PKMI adalah amat terhad. Kajian ini menggunakan pendekatan sistem penskoran wajaran bagi memberi sumbangan kepada kajian literatur yang sedia ada. Malahan, Inchausti (1997) menyatakan bahawa sistem penskoran wajaran membenarkan darjah kepentingan bagi setiap item pelaporan dinilai. Oleh itu, penulis berpendapat bahawa kaedah ini lebih tepat bagi mengetahui tahap kepentingan item pelaporan untuk mengetahui tahap PKMI. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kajian tinjauan berasaskan soal selidik bagi mengetahui tahap kepentingan item PKMI mengikut pandangan pengguna penyata kewangan.

3.1 Sampel Kajian

Dalam kajian ini, terdapat empat kumpulan sasaran pengguna penyata kewangan iaitu pelajar universiti di peringkat prasiswazah, ahli akademik di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), pengurus atau pemilik entiti perniagaan dan pegawai bank di sektor swasta. Pandangan daripada pengguna penyata

kewangan (broker saham, remisier, pemilik perniagaan, pelajar universiti, ahli akademik dan lain-lain pengguna) terdedah dengan maklumat perakaunan dan mempunyai pengetahuan yang diperlukan untuk menggunakan maklumat yang terkandung dalam laporan tahunan (Mohd Isa, 2006). Kumpulan pengguna penyata kewangan (penganalisis kewangan, ahli akademik, pegawai kredit bank dan juruaudit) memerlukan sumber maklumat bagi proses pembuatan keputusan (Al-Htaybat *et al.*, 2011). Pelajar universiti di peringkat prasiswazah dipilih kerana mereka dipercayai akan menjadi pengguna penyata kewangan berasaskan kepada latar belakang pengkhususan bidang akademik (Mohd Isa, 2006). Hodge (2001) menyatakan bahawa pelajar universiti dalam bidang perniagaan mempunyai karakter yang sama dengan peniaga dalam talian dan pelajar sarjana perniagaan digunakan sebagai proksi bagi peniaga dalam talian. Dalam kajian ini, pelajar sarjana muda perakaunan daripada Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM), Universiti Teknologi Malaysia telah dipilih sebagai responden kajian. Kumpulan ini dipercayai akan menjadi pengguna penyata kewangan disebabkan latar belakang pengajian akademik (Mohd Isa, 2006).

Pemilihan ahli akademik di IPTA sebagai sampel kerana mereka menggunakan maklumat perakaunan untuk pengajaran dan berkemungkinan mereka juga merupakan pemegang saham (Jaafar *et al.*, 2010). Ahli akademik turut dipilih sebagai sampel dalam kajian Mohd Isa (2006) kerana mereka terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi kursus yang menggunakan laporan tahunan sebagai sebahagian alat pengajaran seperti perakaunan kewangan, analisis pelaburan dan kewangan. Mishekary dan Saudagaran (2005) memilih ahli akademik sebagai proksi bagi pengguna penyata kewangan kerana mereka bertanggungjawab dalam pengajian perakaunan bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan akauntan profesional. Pengurus atau pemilik entiti perniagaan dipilih sebagai responden kajian kerana mereka boleh dipertimbangkan sebagai pihak yang membuat keputusan harian dan keputusan tersebut memberi kesan kepada proses perniagaan (Barsky & Catanach, 2011). Manakala, pegawai bank di sektor swasta turut dipilih sebagai responden kajian Mishekary dan Saudagaran (2005) kerana mereka mewakili ekonomi pasaran.

3.2 Pembinaan Item

Kajian lepas berkaitan faktor penentu bagi PKMI telah membina indeks pelaporan untuk mengkaji perhubungan dengan karakter spesifik syarikat (Debreceny *et al.*, 2002; Oyelere *et al.*, 2003; Xiao *et al.*, 2004; Bonson & Escobar, 2006; Abdelsalam *et al.*, 2007; Barako *et al.*, 2008; Al Arussi *et al.*, 2009; Ali Khan, 2010; Aly *et al.*, 2010; Al-Htaybat, 2011; Boubaker *et al.*, 2012; Bozcuk, 2012; Nurunnabi & Hossain, 2012; Uyar, 2012). Namun begitu, kajian lepas tidak mengambil kira pandangan pengguna penyata kewangan terhadap item pelaporan dalam pembentukan indeks PKMI. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan dengan mengambil kira pandangan pengguna penyata kewangan dalam pembinaan indeks PKMI.

Pelaporan kewangan merupakan satu konsep abstrak yang tidak dapat diukur secara terus. Proksi yang bersesuaian seperti indeks pelaporan boleh digunakan untuk menentukan maklumat yang dilaporkan oleh sesebuah syarikat (Cooke & Wallace, 1989). Oleh itu, salah satu tugas yang penting dalam kajian ini melibatkan pemilihan item maklumat yang dilaporkan di dalam laman web syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia bagi mengetahui tahap PKMI. Justeru, pendekatan *broad-based* (lihat Haniffa, 1999) digunakan di dalam pemilihan item yang dimasukkan dalam senarai semakan.

Menurut Sekaran (2003), *broad problem area* merujuk kepada situasi keseluruhan yang mana kelihatan satu kemungkinan keperluan untuk dilakukan kajian dan mencari jalan penyelesaian.

Menurut Curuk (2008), terdapat tiga perkara dalam prosedur bagi pembinaan indeks pelaporan iaitu pembinaan lembaran skor pelaporan, pengiraan skor item pelaporan dan pembinaan indeks pelaporan. Memandangkan tiada teori umum yang boleh digunakan berkaitan bilangan dan pemilihan item yang perlu dimasukkan di dalam indeks pelaporan (Wallace, 1988; Wallace *et al.*, 1994; Haniffa, 1999), kajian lalu berkaitan indeks PKMI dijadikan panduan iaitu bilangan item bermula daripada 11 item (Abdelsalam & Street, 2007; Ezat & El-Masry, 2008) hingga 205 item (Mohd Hanafi *et al.*, 2009). Langkah yang dilakukan dalam pembinaan item senarai semakan bagi indeks PKMI sama seperti Haniffa (1999), Ali Khan dan Ismail (2010), dan Ali Khan dan Ismail (2012b).

3.3 Kutipan Data

Data bagi kajian ini dikutip melalui soal selidik yang dihantar melalui pos. Setiap responden menerima soal selidik yang mempunyai kod (bagi tujuan semakan dan penjejakan) bersama-sama dengan surat yang menyatakan tujuan kajian dan maklumat yang diberikan oleh responden adalah sulit. Responden disertakan sampul surat beralamat sendiri dan bersemetem.

Soal selidik telah dihantar kepada 390 responden (iaitu ahli akademik, pelajar universiti, pengurus eksekutif dan pegawai bank) dengan menggunakan persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan sesuai digunakan ke atas kumpulan sasaran tertentu (Ayob (2005). Hasilnya, sejumlah 268 soal selidik telah dipulangkan dengan kadar maklum balas sebanyak 68.72% (rujuk Jadual 2). Tahap maklum balas ini dianggap mencukupi berasaskan kepada fakta kadar maklum balas purata bagi kajian kaedah tinjauan menggunakan kaedah pos di Malaysia adalah di sekitar 10 hingga 16 peratus (PricewaterhouseCoopers, 2002) dan ianya lebih tinggi daripada kadar maklum balas yang memadai dalam lingkungan 15 ke 20 peratus bagi kaedah tinjauan soal selidik (Standen, 1998). Kadar maklum balas ini memadai dalam kajian ini kerana ianya melebihi dengan beberapa kajian terdahulu iaitu 14 peratus (Ku Ismail & Chandler, 2005), 13.29 peratus (Mohd Isa, 2006), 10.30 peratus (Leng *et al.*, 2007), 15.10 peratus (Gibbins *et al.*, 2007), 14.40 peratus (Ku Ismail & Chandler, 2007) dan 15.11 peratus (Ali Khan, 2010). Frazer dan Lawley (2000) pula menyatakan bahawa keputusan banyak kajian yang menggunakan soal selidik menunjukkan kadar maklum balas seperti 10% atau kurang. Soal selidik mempunyai beberapa bahagian. Bahagian pertama berkaitan tahap kepentingan item pelaporan bagi dimensi kandungan dan bahagian kedua berkaitan tahap kepentingan item pelaporan bagi dimensi pembentangan. Manakala, bahagian ketiga berkaitan profil responden dan pandangan pengguna berkaitan kepelbagaian isu PKMI. Skala likert 5 mata digunakan dalam pengukuran soal selidik yang mana 1 mewakili sangat tidak penting dan 5 bermaksud sangat penting.

Jadual 2 Taburan responden

No.	Kumpulan Pengguna	Maklum Balas
1	Ahli akademik	34/50 = 68%
2	Pelajar universiti	74/80 = 93%
3	Pengurus eksekutif	106/150 = 67%
4	Pegawai bank	54/110 = 49%
Jumlah		268 responden daripada 390 = 68.72%

Oppenheim (1992) mencadangkan bahawa salah satu cara yang praktikal untuk mengesan bias tidak respons ialah dengan membuat perbandingan respons di antara responden yang memberi maklum balas awal dengan responden yang memberi maklum balas lewat. Perbandingan ke atas item yang terkandung dalam dimensi kandungan dan dimensi pembentangan telah dilakukan. Hasil kajian mendapati bahawa nilai min yang diuji tidak menunjukkan nilai min yang terlalu berbeza di antara kumpulan responden yang memberi maklum balas awal dengan kumpulan responden yang memberi maklum balas lewat. Seterusnya, berdasarkan ujian t bagi dua sampel bebas didapati terdapat sedikit perbezaan yang signifikan dari segi maklum balas yang diberikan di antara kumpulan responden yang memberi maklum balas awal dengan kumpulan responden yang memberi maklum balas lewat. Oleh itu, kedua-dua kumpulan tersebut boleh digabungkan sebagai satu sampel.

4.0 PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan Jadual 3 daripada 268 orang responden, jumlah lelaki ialah 119 orang yang mewakili 44.4 peratus dan jumlah perempuan seramai 149 yang mewakili 55.6 peratus. Di samping itu, perbezaan umur menunjukkan perbezaan yang agak ketara antara satu sama lain seperti 30 tahun dan kurang seramai 147 yang mewakili 54.9 peratus, diikuti 31 hingga 40 tahun seramai 75 orang yang mewakili 28 peratus, 41 hingga 50 tahun seramai 34 orang mewakili 12.7 peratus dan bilangan yang sedikit dicatatkan pada usia 51 hingga 60 tahun seramai 12 orang mewakili 4.4 peratus sahaja. Bagi jawatan dalam organisasi menunjukkan responden yang terdiri daripada ahli akademik mencatatkan seramai 34 orang yang mewakili 12.7 peratus. Seterusnya, seramai 74 orang terdiri daripada pelajar universiti yang mewakili 27.6 peratus. Diikuti dengan pegawai eksekutif seramai 106 orang yang mewakili 39.6 peratus dan pegawai bank yang terdiri daripada 54 orang yang mewakili 20.1 peratus.

Jadual 3 Profil responden

Perkara	Item	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	119	44.4
	Perempuan	149	55.6
Umur	30 tahun dan kurang	147	54.9
	31 hingga 40 tahun	75	28.0
	41 hingga 50 tahun	34	12.7
	51 hingga 60 tahun	12	4.4
Jawatan dalam organisasi	Ahli akademik	34	12.7
	Pelajar universiti	74	27.6
	Pegawai eksekutif	106	39.6
	Pegawai bank	54	20.1

Bagi menentukan tahap kepentingan item bagi dimensi kandungan, responden dikehendaki memberi maklum balas terhadap 97 item. Pandangan responden diukur dengan menggunakan skala likert 5 mata yang mana 1 mewakili sangat tidak penting dan 5 bermaksud sangat penting. Jadual 4 menunjukkan kepentingan item PKMI dalam dimensi kandungan dan diukur berdasarkan nilai min. Hasil kajian mendapati 92 item yang tersenarai dalam dimensi kandungan dikategorikan sebagai item yang penting (iaitu min melebihi 3.50) untuk menggambarkan tahap kepentingan dimensi kandungan dalam indeks PKMI. Nilai min bersamaan dengan 3.50 (sepertimana kajian Ho & Wong, 2001; Ali Khan & Ismail, 2008; Ali Khan & Ismail, 2010; Ali Khan & Ismail, 2012b) diguna pakai sebagai asas untuk melayakkan sesuatu item pelaporan itu disenaraikan dalam senarai semakan indeks PKMI. Ini kerana nilai min 3.50 merupakan nilai skala pengukuran di antara agak setuju dan setuju. Nilai min 3.50 mencukupi untuk menggambarkan tahap kepentingan sesuatu item pelaporan itu perlu dimasukkan dalam senarai semakan indeks PKMI.

Daripada 92 item tersebut, 25 item boleh dikategorikan sebagai item yang sangat penting (iaitu min melebihi 4.00). Manakala, daripada 97 item terdapat 25 item yang mencapai skor min pada tahap sangat penting yang mana sepuluh teratas terdiri daripada ialah penyata pendapatan tahun semasa (min = 4.39), penyata aliran tunai tahun semasa (min = 4.36), kunci kira-kira tahun semasa (min = 4.34), laporan tahunan (teks penuh)

tahun semasa (min = 4.32), laporan juruaudit tahun semasa (min = 4.29), nota penyata kewangan tahun semasa (min = 4.24), penyata pendapatan tahun lepas (min = 4.24), penyata aliran tunai tahun lepas (min = 4.22), laporan tahunan (teks penuh) tahun lepas (min = 4.22) dan kunci kira-kira tahun lepas (min = 4.18). Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian Ali Khan dan Ismail (2010) dan Ali Khan dan Ismail (2012b) yang menunjukkan bahawa item pelaporan penyata pendapatan tahun semasa merupakan item pelaporan yang paling penting bagi dimensi kandungan.

Manakala, 92 item yang tersenarai dalam dimensi kandungan dikategorikan sebagai item yang penting yang mana sepuluh daripadanya ialah ringkasan data kewangan penting lima tahun (min = 3.97), harga saham historikal (min = 3.97), pemegang saham 10 teratas tahun semasa (min = 3.96), tandatangan CEO di dalam laporan (min = 3.95), jualan produk utama (3.94), data kewangan terkini (min = 3.94), laporan tahunan ringkasan tahun semasa (3.93), nisbah kewangan (3.91), ringkasan nisbah penting lima tahun (3.91) dan laporan segmen perniagaan tahun semasa.

Setelah mendapat maklum balas daripada pengguna penyata kewangan, sejumlah 92 item daripada 97 item dengan skor kepentingan minimum sebanyak 3.50 digunakan sebagai asas bagi mengukur indeks PKMI bagi dimensi kandungan.

Jadual 4 Pandangan keseluruhan kepentingan item bagi dimensi kandungan

Item Pelaporan	1		2		3		4		5		Min	K	S.P.
	No.	%	No.	%	No.	%	No.	%	No.	%			
Penyata pendapatan tahun semasa	0	0	3	1.1	24	9.0	107	39.9	134	50.0	4.39	1	.697
Penyata aliran tunai tahun semasa	0	0	5	1.9	22	8.2	112	41.8	129	48.1	4.36	2	.713
Kunci kira-kira tahun semasa	1	.4	5	1.9	25	9.3	109	40.7	128	47.8	4.34	3	.754
Laporan tahunan (teks penuh) tahun semasa	0	0	5	1.9	28	10.4	110	41.0	125	46.6	4.32	4	.736
Laporan juruaudit tahun semasa	0	0	6	2.2	32	11.9	108	40.3	122	45.5	4.29	5	.763
Nota penyata kewangan tahun semasa	0	0	4	1.5	30	11.2	131	48.9	103	38.4	4.24	6	.706
Penyata pendapatan tahun lepas	0	0	4	1.5	36	13.4	120	44.8	108	40.3	4.24	7	.736
Penyata aliran tunai tahun lepas	0	0	3	1.1	38	14.2	125	46.6	102	38.1	4.22	8	.723
Laporan tahunan (teks penuh) tahun lepas	0	0	6	2.2	39	14.6	114	42.5	109	40.7	4.22	9	.773
Kunci kira-kira tahun lepas	0	0	5	1.9	43	16.0	119	44.4	101	37.7	4.18	10	.763
Tandatangan juruaudit tahun semasa	2	.7	10	3.7	35	13.1	120	44.8	101	37.7	4.15	11	.839
Penyata perubahan ekuiti	0	0	8	3.0	42	15.7	126	47.0	92	34.3	4.13	12	.778
Laporan juruaudit tahun lepas	0	0	6	2.2	56	20.9	102	38.1	104	28.8	4.13	13	.819
Maklumat dividen	0	0	5	1.9	42	15.7	136	50.7	85	31.7	4.12	14	.732
Polisi perakaunan	0	0	7	2.6	52	19.4	111	41.4	98	36.6	4.12	15	.808
Laporan/analisis pengurusan tahun semasa	2	.7	5	1.9	48	17.9	118	44.0	95	35.4	4.12	16	.815
Laporan tahunan dalam versi <i>English</i>	1	.4	5	1.9	53	19.8	114	42.5	95	35.4	4.11	17	.807
Analisis risiko perniagaan utama	0	0	9	3.4	48	17.9	121	45.1	90	33.6	4.09	18	.802
Asas <i>Financial Reporting Standard</i> tahun semasa	0	0	4	1.5	57	21.3	120	44.8	87	32.5	4.08	19	.770
Laman web versi <i>English</i>	0	0	7	2.6	64	23.9	105	39.2	92	34.3	4.05	20	.828
Perubahan ekuiti pemegang saham tahun semasa	0	0	3	1.1	51	19.0	145	54.1	69	25.7	4.04	21	.702
Tambahan atau pindaan laporan tahunan semasa	0	0	8	3.0	50	18.7	133	49.6	77	28.7	4.04	22	.771
Pengguna boleh mendapatkan maklumat kewangan dengan cepat	0	0	5	1.9	59	22.0	124	46.3	80	29.9	4.04	23	.771
Nota penyata kewangan tahun lepas	0	0	11	4.1	49	18.3	125	46.6	83	31.0	4.04	24	.811

Item Pelaporan	1		2		3		4		5		Min	K	S.P.
	No.	%	No.	%	No.	%	No.	%	No.	%			
Tandatangan juruaudit tahun lepas	1	.4	18	6.7	40	14.9	127	47.7	82	30.6	4.01	25	.872
Maklumat tahun semasa dibezakan dengan tahun lepas	0	0	10	3.7	63	23.5	113	42.2	82	30.6	4.00	26	.832
Ringkasan data kewangan penting lima tahun	2	.7	10	3.7	56	20.9	125	46.6	75	28.0	3.97	27	.841
Harga saham historical	0	0	26	9.7	81	30.2	123	45.9	38	14.2	3.96	28	.811
Pemegang saham 10 teratas tahun semasa	2	.7	15	5.6	66	24.6	120	44.8	65	24.3	3.96	29	.874
Tandatangan CEO di dalam laporan	2	.7	25	9.3	51	19.0	97	36.2	93	34.7	3.95	30	.989
Jualan produk utama	1	.4	9	3.4	62	23.1	128	47.8	68	25.4	3.94	31	.808
Data kewangan terkini	1	.4	10	3.7	61	22.8	127	47.4	69	25.7	3.94	32	.817
Laporan tahunan ringkasan tahun semasa	0	0	6	2.2	71	26.5	128	47.8	63	23.5	3.93	33	.766
Nisbah kewangan	2	.7	10	3.7	62	23.1	130	48.5	64	23.9	3.91	34	.825
Ringkasan nisbah penting lima tahun	2	.7	9	3.4	66	24.6	125	46.6	66	24.6	3.91	35	.830
Laporan segmen perniagaan tahun semasa	1	.4	12	4.5	57	21.3	141	52.6	57	21.3	3.90	36	.794
Pautan kepada laman web Bursa Malaysia	0	0	7	2.6	78	29.1	118	44.0	65	24.3	3.90	37	.794
Bilangan saham yang diniagakan	0	0	12	4.5	68	25.4	124	46.3	64	23.9	3.90	38	.814
Prestasi harga saham berhubung dengan indeks pasaran stok	0	0	7	2.6	67	25.0	142	53.0	52	19.4	3.89	39	.734
